



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***INTERAKSI ANTARA KUMPULAN, PENGARUH SOSIALISASI DAN
IDENTIFIKASI SOSIAL TERHADAP STEREOTAIP DALAM KALANGAN
PELAJAR MELAYU IPT DI MALAYSIA***

ROHAIZAHTULAMNI BINTI RADZLAN

FEM 2022 18



**INTERAKSI ANTARA KUMPULAN, PENGARUH SOSIALISASI DAN
IDENTIFIKASI SOSIAL TERHADAP STEREOTAIP DALAM KALANGAN
PELAJAR MELAYU IPT DI MALAYSIA**

Oleh

ROHAIZAHTULAMNI BINTI RADZLAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Julai 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

INTERAKSI ANTARA KUMPULAN, PENGARUH SOSIALISASI DAN IDENTIFIKASI SOSIAL TERHADAP STEREOTAIP DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU IPT DI MALAYSIA

Oleh

ROHAIZAHTULAMNI BINTI RADZLAN

Julai 2021

Pengerusi : Mohd. Ibrani Shahrinin Adam Assim, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Peningkatan Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) pada tahun 2017 berbanding tahun 2015 serta fenomena polarisasi dan perkauman dalam kalangan pelajar Melayu dan bukan Melayu sehingga di peringkat pengajian tinggi telah mewujudkan kebimbangan. Keadaan ini jika tidak dikawal boleh mendorong kepada peningkatan tahap stereotaip negatif dan mengganggu proses kesepaduan nasional seperti yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara. Sehubungan itu, kajian ini adalah untuk menjelaskan faktor pembentukan stereotaip dengan memfokuskan kepada pengaruh sosial dan individu dalam kalangan pelajar Melayu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Reka bentuk korelasi berdasarkan pendekatan kuantitatif melalui kaedah survei digunakan. Seramai 384 orang responden telah diperoleh melalui kaedah pensampelan mudah dengan penyebaran borang soal selidik secara atas talian. Pangkalan data *Google Form* digunakan dengan menyebarkan serta berkongsi pautan kepada rakan, pelajar IPT dan juga pensyarah, bermula pada awal November 2020 sehingga akhir Disember 2020. Selain itu, skala *General Intergroup Contact Quantity and Contact Quality* (CQCQ) digunakan untuk mengukur interaksi antara kumpulan, manakala *Stereotype Content Model* (SCM) digunakan untuk mengukur stereotaip. Pengaruh sosialisasi dan identifikasi sosial pula diukur menggunakan skala daripada kajian lepas dan menyesuaikan dengan konteks kajian ini. Kesemua alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini menghasilkan nilai kebolehpercayaan yang baik. Analisis ujian *Mann-Whitney* daripada perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) serta perisian *Structural Equation Model Partial Least Square* (PLS-SEM) digunakan bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan identifikasi sosial atau faktor individu merupakan peramal utama bagi stereotaip dalam kalangan pelajar Melayu IPT. Identifikasi sosial juga berperanan sebagai mediator di antara pengaruh sosialisasi dengan stereotaip. Kajian ini juga menunjukkan tahap stereotaip bersifat negatif dalam kalangan pelajar Melayu

adalah tinggi, serta umur dan gender turut memberi kesan kepada perbezaan tahap stereotaip. Situasi ini jika tidak dikawal boleh menyebabkan berlakunya pengasingan etnik dalam kalangan pelajar khususnya. Oleh itu, faktor sosial dan individu yang terdapat dalam kerangka teoretikal serta konseptual dapat menyokong pembentukan stereotaip bagi pelajar Melayu IPT kajian ini. Justeru, disarankan agar pihak bertanggungjawab meneliti semula keberkesanan dan kelemahan program-program yang telah dijalankan serta menambah baik usaha-usaha untuk mempertingkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar Melayu IPT kajian ini khususnya.



Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

INTERGROUP INTERACTION, SOCIALIZATION INFLUENCE AND SOCIAL IDENTIFICATION TOWARD STEREOTYPE AMONG IPT MALAY STUDENTS IN MALAYSIA

By

ROHAIZAHTULAMNI BINTI RADZLAN

July 2021

Chairman : Mohd. Ibrani Shahrinin Adam Assim, PhD
Faculty : Human Ecology

The increase in the Community Tension Index (CTI) in 2017 compared to 2015 as well as the phenomenon of polarization and racism among Malay and non-Malay students up to the tertiary level has created concern. This situation if not controlled can lead to an increase in the level of negative stereotypes and disrupt the process of national unity as outlined in the National Unity Policy. Accordingly, this study is to explain the factors of stereotype formation focusing on social and individual influences among Malay students of Higher Learning Institution (HLI) in Malaysia. Correlation design based on quantitative approaches through survey method was used. A total of 384 respondents was obtained through the convenience sampling method by distributing the questionnaire online. Google Form database was utilized by disseminating and sharing links to friends, HLI students and also lecturers, starting in early November 2020 until the end of December 2020. In addition, the General Intergroup Contact Quantity and Contact Quality (CQCQ)'s scale was used to measure interactions between groups, while the Stereotype Content Model (SCM) was used to measure stereotypes. The influence of socialization and social identification was measured using scales from previous studies and adapted to the context of this study. All measurement tools used in this study produced a good reliability values. Mann-Whitney test analysis of Statistical Package For Social Science (SPSS) software as well as Structural Equation Model Partial Least Square (PLS-SEM) software were used to answer the questions and objectives of the study. Overall, the findings of this study shows that social identification or individual factors are the main predictors of stereotypes among Malay students in HLI. Social identification also serves as a mediator between the influence of socialization and stereotypes. This study also shows that the level of negative stereotypes among Malay students is high, age and gender also affect the differences in the level of stereotypes. This situation if not controlled can lead to ethnic segregation among students in particular. Therefore, social and individual factors in the theoretical and conceptual framework can support the

formation of stereotypes for HLI's Malay students of this study. Thus, it is recommended that the responsible party to review the effectiveness and weaknesses of the programs that have been carried out and improve efforts to enhance unity among Malay students of this study in particular.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, saya diberikan nikmat kesihatan, ruang dan peluang untuk melaksanakan penyelidikan di peringkat Doktor Falsafah ini. Sesungguhnya kajian ini memberikan pengalaman baharu buat saya dan seribu erti. Lantaran pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi sepanjang menyiapkan disertasi ini.

Sepanjang tempoh pengajian ini, pelbagai pihak telah banyak membantu saya. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa penyelia yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Ibrani Shahrimin dan penyelia bersama, iaitu Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Prof. Dr. Sarjit Singh serta Dr. Shamsul Azahari Zainal Badari atas bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat sepanjang pengajian ini. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada pihak penaja Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah program MyBrain15 kerana memberikan biasiswa, peluang dan kepercayaan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah ini. Tidak lupa ucapan ribuan terima kasih kepada Dr. Mohd. Roslan Rosnon dan Dr. Yasmin Yaccob sebagai pakar instrumen kajian ini yang banyak memberi tunjuk ajar serta nasihat.

Penghargaan istimewa kepada ibunda Roszarina Mohamed Mustapa dan ayahanda Radzlan Mohd. Zain yang dikasihi, terima kasih kerana membesar serta mendidik ku menjadi insan yang berguna. Begitu juga kepada adik-beradik, iaitu Raihana Radzlan, Rafiq Radzlan dan Mohd. Rifdi Radzlan serta keluarga-keluarga yang sentiasa memahami ketika senang dan susah. Segala nasihat dan kata-kata perangsang telah menjadi kekuatan serta pendorong untuk terus berusaha bersungguh-sungguh sehingga terhasilnya disertasi ini. Serta tidak lupa kepada Siti Rahah Harun, Norhafifah Samsudin, Nuradibah Mokhtar, Mariah Abas, Mazira Ismail, Siti Maryam, Zaimie Marjuni, Nordeyana Tambi dan sahabat-sahabat yang sentiasa memberi sokongan serta bantuan tidak kira masa. Terima kasih sekali lagi buat semua yang banyak membantu dan memberi kerjasama. Semoga jasa baik dan pengorbanan semua pihak mendapat keberkatan daripada Illahi.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Ibrani Shahrudin bin Adam Assim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Shamsul Azahari bin Zainal Badari, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Shamsul Amri bin Baharuddin, PhD

Profesor Ulung Datuk
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PHD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 April 2022

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama
Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Mohd Ibrani Shahrudin bin Adam Assim

Tandatangan: _____
Nama
Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Dr. Sarjit Singh a/l Darshan Singh

Tandatangan: _____
Nama
Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Shamsul Azahari bin Zainal Badari

Tandatangan: _____
Nama
Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB	
1	PENGENALAN
1.1	Latar Belakang Kajian
1.2	Pernyataan Masalah
1.3	Persoalan Kajian
1.4	Objektif Kajian
1.5	Hipotesis Kajian
1.6	Kerangka Teoretikal Kajian
1.7	Kerangka Konsep
1.8	Kepentingan Kajian
1.9	Definisi Konsep dan Istilah
1.10	Rumusan
2	TINJAUAN LITERATUR
2.1	Pengenalan
2.2	Stereotaip
2.2.1	Kajian Stereotaip di Peringkat Global dan Serantau
2.2.2	Kajian Stereotaip di Malaysia
2.2.3	Model Kandungan Stereotaip dan Pelajar
2.3	Sosio-demografi dan Stereotaip
2.3.1	Umur dan Stereotaip
2.3.2	Gender dan Stereotaip
2.4	Interaksi antara Kumpulan dan Stereotaip
2.5	Pengaruh Sosialisasi dan Stereotaip
2.6	Identifikasi sosial dan Stereotaip
2.6.1	Identifikasi sosial sebagai Pemboleh Ubah Mediator
2.7	Rumusan

3	METODOLOGI	44
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk dan Pendekatan Kajian	44
3.3	Populasi dan Pensampelan Kajian	45
3.4	Instrumen Kajian	46
	3.4.1 Sosio-demografi Responden	47
	3.4.2 Instrumen Interaksi antara Kumpulan	47
	3.4.3 Instrumen Pengaruh Sosialisasi	50
	3.4.4 Instrumen Identifikasi sosial	54
	3.4.5 Instrumen Stereotaip	55
3.5	Kajian Rintis	59
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	60
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian	61
	3.7.1 Kebolehpercayaan	61
	3.7.2 Kesahan	62
3.8	Pemprosesan dan Analisis Data	63
	3.8.1 Perisian Statistical Package For Social Science (SPSS)	63
	3.8.1.1 Analisis Statistik Deskriptif	63
	3.8.1.2 Analisis Statistik Inferensi	63
	3.8.2 Perisian Structural Equation Model Partial Least Square (PLS-SEM)	64
	3.8.2.1 Penilaian Model Pengukuran	65
	3.8.2.2 Penilaian Model Struktur	74
3.9	Rumusan	76
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	77
4.1	Pengenalan	77
4.2	Bahagian Pertama: Hasil Dapatan Kajian	77
	4.2.1 Interpretasi Analisis melalui Perisian SPSS	77
	4.2.1.1 Objektif Kajian Pertama	78
	4.2.1.2 Objektif Kajian Kedua	88
	4.2.2 Interpretasi Analisis melalui Perisian PLS-SEM	90
	4.2.2.1 Objektif Kajian Ketiga	90
	4.2.2.2 Objektif Kajian Keempat	94
4.3	Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis	97
4.4	Bahagian Kedua: Perbincangan Hasil Kajian	106
	4.4.1 Interaksi antara Kumpulan dalam Kalangan Pelajar	106
	4.4.2 Pengaruh Sosialisasi dalam Kalangan Pelajar	108

4.4.3	Identifikasi sosial dalam Kalangan Pelajar	110
4.4.4	Pandangan stereotaip dalam Kalangan Pelajar	111
4.4.5	Hubungan yang Mempengaruhi antara Pemboleh Ubah Luaran (<i>Exogenous</i>) dan Pemboleh Ubah Dalaman (<i>Endogenous</i>)	114
4.4.6	Kesan Mediator antara Pemboleh Ubah Luaran (<i>Exogenous</i>) dengan Pandangan stereotaip	115
4.5	Rumusan	116
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	117
5.1	Pengenalan	117
5.2	Rumusan	117
5.2.1	Objektif Pertama	118
5.2.2	Objektif Kedua	118
5.2.3	Objektif Ketiga	119
5.2.4	Objektif Keempat	119
5.3	Kesimpulan	120
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	121
5.4.1	Implikasi Teoretikal	121
5.4.2	Implikasi Praktikal	122
5.5	Limitasi Kajian	123
5.6	Cadangan	124
5.6.1	Cadangan kepada Pihak Bertanggungjawab	125
5.6.2	Cadangan kepada Penyelidik akan Datang	126
5.7	Rumusan	127
	RUJUKAN	130
	LAMPIRAN	155
	BIODATA PELAJAR	189
	SENARAI PENERBITAN	190

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Isu Sentimen Perkauman Tahun 2015-2019	4
2	Konteks Kajian Stereotaip di Malaysia	28
3	Jadual Penentu Saiz Sampel oleh Krejcie & Morgan (1970)	45
4	Skor Pemarkatan bagi Item-item dalam Alat Ukuran Ujian CQCQ	48
5	Klasifikasi Ujian CQCQ bagi Dimensi Kuantiti Hubungan	49
6	Klasifikasi Ujian CQCQ bagi Dimensi Kualiti Hubungan	49
7	Sumber Rujukan bagi Instrumen Pengaruh Sosialisasi	51
8	Nombor Soalan bagi Item-item Positif dan Negatif dalam Ujian Pengaruh Sosialisasi	51
9	Skor Pemarkatan bagi Item Positif dan Negatif dalam Ujian Pengaruh Sosialisasi	52
10	Klasifikasi Ujian Pengaruh Sosialisasi Keluarga	52
11	Klasifikasi Ujian Pengaruh Sosialisasi Rakan	53
12	Klasifikasi Ujian Pengaruh Sosialisasi Media	53
13	Nombor Soalan bagi Item-item Positif dan Negatif dalam Ujian Identifikasi Sosial	54
14	Skor Pemarkatan bagi Item Positif dan Negatif dalam Ujian Identifikasi Sosial	55
15	Klasifikasi Ujian Identifikasi Sosial	55
16	Nombor Soalan bagi Item-item Positif dan Negatif dalam Ujian Stereotaip bagi Dimensi Kompetensi serta Keselesaan	57

17	Skor Pemarkatan bagi Item Positif dan Negatif dalam Ujian Stereotaip	57
18	Klasifikasi Ujian Stereotaip Kompetensi	58
19	Klasifikasi Ujian Stereotaip bagi Dimensi Keselesaan	58
20	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis	59
21	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> untuk Ujian Kebolehpercayaan	62
22	Penilaian Kebolehpercayaan dan Kesahan Indikator	67
23	Penilaian <i>Cross Loading</i>	70
24	Kesahan Diskriminan (<i>Fornell and Larcker Criterion</i>)	73
25	Kesahan Diskriminan (<i>Hetotrait-Monotrait Ratio</i>)	73
26	Ujian <i>Collinearity</i>	74
26	Taburan Responden berdasarkan ciri latar belakang	78
27	Item bagi Ujian <i>General Intergroup Contact Quantity and Contact Quality (CQCQ)</i>	79
28	Tahap Interaksi antara Kumpulan dalam kalangan Pelajar Melayu IPT	80
30	Item bagi Ujian Pengaruh Sosialisasi	81
31	Tahap Pengaruh Sosialisasi dalam kalangan Pelajar Melayu IPT	82
32	Item bagi Ujian Identifikasi Sosial	83
33	Tahap Identifikasi sosial dalam kalangan Pelajar Melayu IPT	84
34	Item bagi Ujian <i>Stereotype Content Model (SCM)</i>	85
35	Tahap Stereotaip Kompetensi dan Keselesaan dalam kalangan Pelajar Melayu IPT	86

36	Tahap Stereotaip Kompetensi dan Keselesaan dalam kalangan Pelajar Melayu IPT berdasar Kumpulan Etnik	87
37	Pandangan stereotaip Kompetensi berdasarkan Umur dan Gender	89
38	Pandangan stereotaip Keselesaan berdasarkan Umur dan Gender	89
39	Penilaian Model Struktur	91
40	Penilaian Analisis <i>Path Coefficient</i>	92
41	Penilaian Mediator	96
42	Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis	98
43	Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan	128

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Teoretikal: Proses Pembentukan Stereotaip dalam Kalangan Pelajar Melayu IPT	13
2	Gabungan Stereotaip Kompetensi dan Keselesaan oleh Fiske dan rakan (2002) (Sumber: Sanders & Ramasubramaniam, 2012)	17
3	Kerangka Konsep Kajian	18
4	Klasifikasi Responden	49
5	Ilustrasi Klasifikasi Ujian CQCQ bagi Dimensi Kuantiti Hubungan	50
6	Ilustrasi Klasifikasi Ujian CQCQ bagi Dimensi Kualiti Hubungan	50
7	Ilustrasi Kalsifikasi Pengaruh Sosialisasi Keluarga	52
8	Ilustrasi Kalsifikasi Pengaruh Sosialisasi Rakan	53
9	Ilustrasi Kalsifikasi Pengaruh Sosialisasi Media	53
10	Ilustrasi Kalsifikasi Penilaian Identiti Sosial	55
11	Klasifikasi Responden	57
12	Ilustrasi Kalsifikasi Stereotaip Kompetensi terhadap Etnik Melayu	58
13	Ilustrasi Kalsifikasi Stereotaip Keselesaan terhadap Etnik Melayu	59
14	Peringkat Prosedur Pengumpulan Data Kajian	60
15	Model Kajian	66
16	Model Kajian bagi Pembentukan Stereotaip Kompetensi dan Keselesaan	105
17	Pengaruh Pandangan stereotaip dalam Kalangan Pelajar Melayu di IPT	120

SENARAI SINGKATAN

AMOS	Analysis of a Moment Structures
ANOVA	Analysis of Variance
Beta (β)	Pekali regresi piawai
Bil	Bilangan
dk	Darjah kebebasan
EDA	Exploratory Data Analysis
F	Statistik taburan F
f^2	Kesan saiz
n	Bilangan subjek
PLS	Partial Least Square
Q^2 model	Nilai pekali pemerhati yang dihasilkan oleh
R^2	Pekali penentu ramalan
SEM	Structure Equation Model
Sig. (p)	Signifikan
S.P	Sisihan piawai
SPSS	Statistical Package for Social Science
t	Statistik taburan t

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Stereotaip merujuk kepada penilaian yang biasanya dikategorikan berdasarkan ciri, sifat atau tingkah laku keahlian seseorang dalam sesebuah kumpulan. Istilah stereotaip mula diperkenalkan oleh Lippmann pada tahun 1922 untuk menggambarkan ciri-ciri yang dilihat daripada kumpulan sosial (Dovidio dll., 2010). Ahli sosiologi menganggap stereotaip sebagai pandangan sesuatu kumpulan sosial terhadap kumpulan sosial yang lain (Elligan, 2008). Stereotaip dalam bidang psikologi sosial pula dijelaskan sebagai kepercayaan yang berlebihan terhadap seseorang berdasarkan kumpulan serta dikaitkan dengan pengkategorian (Ajtony, 2011; Allport, 1954; Krieglmeier & Sherman, 2012). Secara umumnya, stereotaip adalah proses penilaian yang melibatkan generalisasi mengenai ciri seseorang berdasarkan kumpulan dimiliki (Fiske & Taylor, 2008; Katz & Braly, 1933; Lippmann, 1922; Stangor, 2009). Oleh itu, stereotaip ini boleh dikatakan sebagai alat peranti mudah bagi proses mempersepsi terhadap seseorang berdasarkan kumpulan dimiliki melalui pengkategorian sifat atau ciri yang dapat memberi gambaran umum mengenai hubungan sosial.

Oldmeadow dan Fiske (2012) menjelaskan bahawa kajian mengenai stereotaip mula mendapat perhatian berdasarkan pengkategorian melalui dimensi 'kompetensi' (*competence*) dan 'keselesaan' (*warmth*) sebagai asas pandangan sosial. Fiske dan rakan (2002) telah memperkenalkan dimensi kompetensi dan keselesaan dalam Model Kandungan Stereotaip atau *Stereotype Content Model* (SCM) bagi menggambarkan hubungan sosial berdasarkan pandangan umum. Dimensi kompetensi merujuk kepada kemampuan dan persaingan dalam melakukan sesuatu perkara, manakala keselesaan menekankan kepada niat yang dirasakan dapat memberi kebaikan (Aktan, 2013; Fiske dll., 2002; Janssens dll., 2015). Secara umumnya, dimensi tersebut membantu menerangkan mengapa sesebuah kumpulan sosial dilihat sebagai disukai dan tidak disukai terutama berkaitan hubungan antara etnik. Oleh itu, pengkaji lepas menggunakan pendekatan stereotaip bagi menjelaskan isu perkauman dalam masyarakat. Isu perkauman ini jika tidak diberi perhatian boleh mengganggu proses perpaduan nasional dan kestabilan negara seperti yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara (DPN).

Isu perkauman atau ketegangan sosial dalam masyarakat di Malaysia sering dipengaruhi oleh aspek politik, pentadbiran, ekonomi, pendidikan, bahasa, agama dan budaya (Hashim dll., 2016; Shamsul Haque, 2003). Malah, Fisk dan rakan (2002) mendapati isu perkauman serta ketegangan sosial dalam masyarakat dapat diterangkan melalui konteks stereotaip kompetensi dan

keselesaian kerana pendekatan ini menekankan pengaruh perubahan struktur sosial seperti status dan peranan sebagai perwakilan kepada sifat dimensi. Beberapa kajian lepas juga mendapati pembentukan stereotaip kompetensi dan keselesaian adalah dipengaruhi oleh status sosioekonomi, budaya, kuasa (Durante dll., 2017^b; Janssens dll., 2015) serta tahap keamanan negara (Durante dll., 2017)^b. Selain itu, pembentukan stereotaip boleh dilihat sama ada melalui konteks *nature* ataupun *nurture*. *Nature* atau semula jadi merupakan faktor dalaman seperti biologikal yang mempengaruhi pembentukan stereotaip (Grabowski & Broemer, 2018). Grabowski dan Broemer (2018), menjelaskan bahawa konteks *nature* atau semula jadi bagi pembentukan stereotaip berlaku apabila seseorang mengaktifkan perwakilan kumpulan yang dimiliki dan secara tidak langsung penilaian perbandingan antara dalam kumpulan (*in-group*) dengan luar kumpulan (*out-group*) berlaku.

Penyelidik psikologi sosial menyatakan bahawa penilaian perbandingan antara dalam kumpulan dan luar kumpulan ini juga dikenali sebagai identifikasi sosial ataupun penilaian sendiri (Cheng & Guo, 2015). Perbandingan ini mendorong kepada pembentukan stereotaip berdasarkan penilaian sifat pilih kasih dan etnosentrisme terhadap kumpulan etnik sendiri (Cheng & Guo, 2015; Grabowski & Broemer, 2018). Keadaan ini menjelaskan bahawa faktor dalaman bagi pengaruh pembentukan stereotaip adalah berkaitan diri sendiri dengan mengekalkan identiti sosial positif dalam kumpulan. Manakala, *nurture* atau persekitaran merupakan faktor luaran bagi pembentukan stereotaip seperti pengaruh sosiologi (Grabowski & Broemer, 2018). Sosiologi merupakan proses sosial yang berlaku akibat daripada interaksi dengan individu atau kumpulan lain (Akhmad dll., 2018; Salazar dll., 2013). Beberapa kajian lepas turut mendapati bentuk interaksi antara kumpulan mempengaruhi pembentukan pandangan dan tanggapan terhadap etnik lain (Akhmad dll., 2018; Somayeh, 2015; Tamam dll., 2011; Matusitz, 2012). Malah, pembentukan stereotaip juga boleh dilihat melalui kesan interaksi secara tidak langsung seperti pengaruh sosialisasi.

Sosialisasi merupakan agen perubahan terhadap pemikiran, perasaan, sikap dan tingkah laku yang dipengaruhi daripada pemerhatian, pembelajaran ataupun pengalaman (Akhmad dll., 2018; Rashotte, 2007; Salazar dll., 2013). Terdapat tiga agen sosialisasi yang utama sering diberi tumpuan, iaitu keluarga, rakan dan media (Childs, 2014; Whitley & Kite, 2010; Zhang, 2015^a). Agen utama sosialisasi ini turut dikenali sebagai model yang berpengaruh. McFarlane (2014) juga mendapati stereotaip terhadap seseorang atau kumpulan mungkin akan kekal ataupun berubah bergantung kepada pembelajaran daripada agen sosialisasi. Selain itu, hasil kajian lepas mendapati isu perkauman turut dipengaruhi oleh ciri latar belakang seperti umur (Coutant dll., 2011) dan gender yang mendorong kepada perbezaan pandangan stereotaip (Babbitt dll., 2018). Secara umumnya, isu perkauman dapat dijelaskan melalui konsep stereotaip berdasarkan pelbagai faktor serta perbezaan latar belakang memberi sudut pandangan yang berlainan.

Mengkaji mekanisme berkaitan isu perkauman berdasarkan perspektif pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia melalui konteks stereotaip merupakan skop utama kajian ini. Isu perkauman seperti pengasingan atau segregasi dan polarisasi antara etnik masih menjadi isu utama di Institusi Pengajian Tinggi (Somayeh dll., 2015; Tamam dll., 2013). Tamam dan rakan (2013) turut mendapati kebanyakan pelajar etnik Melayu mengelak atau meminimumkan hubungan dengan pelajar berlainan etnik berbanding pelajar bukan Melayu. Pelajar Melayu juga dikenali sebagai suku bangsa penduduk peribumi di Malaysia (Nazri dll., 2013) serta sering dikaitkan dengan isu perkauman di antara etnik bukan Melayu (Shamsul, 2011). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat isu perkauman berdasarkan konteks stereotaip dalam kalangan pelajar IPT terutama etnik Melayu sama ada dipengaruhi oleh interaksi antara kumpulan, sosialisasi ataupun pendekatan identifikasi sosial. Memahami pembentukan dan sifat stereotaip penting sebagai penanda aras kepada perpaduan nasional. Stereotaip kompetensi dan keselesaan juga digunakan bagi menggambarkan persepsi sosial dengan menjelaskan isu perkauman berdasarkan perspektif pelajar Melayu di IPT.

1.2 Pernyataan Masalah

Isu utama stereotaip dalam kalangan pelajar sering dikaitkan dengan sentimen perkauman ataupun hubungan antara etnik. Masalah hubungan antara etnik dalam kalangan pelajar ini boleh mengakibatkan ketegangan sosial dan mengganggu proses perpaduan nasional (Marsani dll., 2016; Mohd Rizal & Thay, 2012; Somayeh dll., 2015; Suresh Kumar, 2014; Tamam dll., 2013). Merujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2017), bacaan Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) mengalami peningkatan kepada 11.5 kes per sejuta penduduk pada tahun 2017 berbanding 9.6 kes pada tahun 2015. Selain itu, Jadual 1 menunjukkan isu sentimen perkauman yang tular sepanjang Tahun 2015–2019. Kebanyakan isu perkauman yang berlaku ini adalah berkaitan dengan ekonomi, politik, agama dan budaya di pelbagai peringkat sosial. Manakala, kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) mendapati masih wujud kebimbangan mengenai sentimen perkauman seperti polarisasi sosial dalam kalangan pelajar dengan kewujudan sistem pendidikan yang pelbagai (Unit Perancangan Ekonomi, 2018). Tanpa elemen kawalan dan pendekatan yang berterusan terhadap pengekangan isu perkauman akan mempengaruhi pelajar membesar dalam ruang amalan diskriminasi serta persekitaran kurang kondusif.

Jadual 1: Isu Sentimen Perkauman Tahun 2015-2019

Bil.	Isu	Sumber
1.	Insiden gaduh di Plaza Low Yat antara etnik Cina dan etnik Melayu	Utusan Malaysia, 2015
2.	Isu boikot perniagaan etnik Cina bagi menurunkan harga	Berita Harian, 2015
3.	Isu perhimpunan BERSIH (Baju Kuning dan Baju Merah) berbaur perkauman	Utusan Malaysia, 2015/ 2016
4.	Guru besar menunjukkan sikap perkauman terhadap seorang guru Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pai Chee, Mersing, Johor	Utusan Malaysia, 2016
5.	Isu <i>slide</i> Titas di UTM yang memberi fakta salah mengenai agama Hindu dan Sikh	Berita Harian, 2016
6.	Insiden rusuhan di Kuil Maha Mariamman antara etnik India dan Melayu	Utusan Malaysia, 2018
7.	Isu meratafikasi ICERD yang didakwa akan menjejaskan kepentingan kaum Melayu dan Bumiputera	Berita Harian, 2018
8.	Kemalangan di lebuh raya di antara etnik Cina dan Melayu	Berita Harian, 2019
9.	Isu kempen dahulukan barangan Islam	Utusan Malaysia, 2019
10.	Isu tulisan jawi khat dan persatuan Dong Zong	Berita Harian, 2019

Kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan bagi memupuk perpaduan negara khususnya dalam kalangan pelajar. Seperti memperkenalkan program Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun 2004 sebagai platform kepada pelajar untuk mempelajari kehidupan dalam masyarakat yang pelbagai serta memahami dan menghayati sejarah Malaysia (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2017). Walau bagaimanapun, beberapa kajian lepas mendapati integrasi antara etnik dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masih lagi kurang memuaskan (Aziz dll., 2014; Marsani dll., 2016; Somayah dll., 2015; Tamam dll., 2013). Sebilangan pelajar juga didapati tidak berminat untuk berinteraksi dengan etnik lain (Aziz, Salleh & Ribu, 2010; Najeemah dll., 2010; Marsani dll., 2016; Somayah dll., 2015; Suresh Kumar, 2014; Tamam dll., 2013). Cheow Lin (2012) menjelaskan hubungan antara etnik dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap sederhana berdasarkan aspek kehidupan seharian terutama penglibatan

dalam kegiatan kokurikulum dan pembelajaran. Malah, semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar atau generasi muda kini dilihat kurang memuaskan dan kian terhakis (Aziz dll., 2014). Sebilangan pelajar juga masih tidak berminat untuk berinteraksi dengan etnik lain (Aziz, 2010; Najeemah, 2012; Marsani dll., 2016; Somayah dll., 2015; Suresh Kumar, 2014; Tamam dll., 2013).

Terdapat beberapa pendekatan dapat menjelaskan mengenai isu perkauman yang terjadi terutama dalam kalangan pelajar antaranya melalui aspek stereotaip. Berdasarkan pendekatan stereotaip dapat memberi gambaran hubungan sosial melalui pandangan terhadap seseorang atau kumpulan, sama ada positif ataupun negatif (Ajtony, 2011; Zainal & Salleh, 2012). Seperti pandangan stereotaip negatif yang masih lagi diterima secara meluas dalam masyarakat Malaysia, iaitu etnik Melayu sebagai 'pemalas', etnik Cina 'tamak' dan etnik India 'pemabuk' (Majid, 2013; Tamboo, 2014; Zainal & Salleh, 2012). Walau bagaimanapun, pandangan stereotaip berdasarkan ciri atau sifat ini mempunyai kekurangan bagi menggambarkan hubungan sosial kerana pendekatan tersebut hanya merujuk kepada pandangan personaliti umum. Aktan (2013), Fiske (2018) serta Oldmaedow dan Fiske (2012) turut menjelaskan bahawa stereotaip berdasarkan ciri atau sifat personaliti umum mempunyai kekurangan dalam bertindak balas terhadap prinsip sistematik seperti perubahan budaya dan struktur sosial. Justeru, Fiske dan rakan (2002) memperkenalkan pendekatan stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam bidang psikologi sosial sebagai perwakilan kepada sifat dimensi terhadap seseorang atau kumpulan sosial bagi memenuhi kekurangan kajian lepas.

Mengaplikasikan pendekatan stereotaip kompetensi dan keselesaan bagi mengukur pandangan terhadap hubungan antara etnik dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat memberi gambaran lebih signifikan. Durante dan rakan (2013) turut menjelaskan bahawa dimensi kompetensi dan keselesaan yang digunakan dalam pendekatan stereotaip ini merupakan asas bagi pertimbangan sosial. Malah, meneliti pendekatan stereotaip berdasarkan perspektif pelajar Melayu juga penting bagi menerangkan isu perkauman di antara etnik melalui konteks penduduk majoriti. Pelajar Melayu turut dikenali sebagai suku bangsa penduduk peribumi di Malaysia yang selalu berhadapan dengan konflik di antara etnik bukan Melayu terutama berkaitan isu kedudukan agama Islam, hak istimewa Melayu dan bahasa Melayu (Nazri dll., 2013). Marsani dan rakan (2016) serta Somayah dan rakan (2015) turut mendapati majoriti pelajar Melayu menghindari atau meminimumkan hubungan dengan pelajar bukan Melayu. Oleh itu, timbul persoalan seperti bagaimanakah pandangan stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu di IPT terhadap etnik bukan Melayu?

Perbezaan latar belakang juga dilihat memberi kesan kepada tahap stereotaip. Antaranya ciri latar belakang seperti umur (Coutant dll., 2011) dan gender didapati memberi kesan kepada perbezaan pandangan stereotaip (Babbitt dll., 2018). Countant dan rakan (2011) serta Babbitt dan rakan (2018) menjelaskan bahawa menilai stereotaip berdasarkan ciri latar belakang adalah penting bagi memahami perbezaan pandangan pelajar daripada aspek yang pelbagai

terhadap hubungan sosial dalam masyarakat. Oleh itu, adakah wujud perbezaan pandangan stereotaip kompetensi dan keselesaan berdasarkan umur dan gender dalam kalangan pelajar Melayu IPT? Malah, apakah faktor yang mempengaruhi masalah hubungan sosial ini berdasarkan aspek pembentukan stereotaip dalam kalangan pelajar Melayu IPT? Lantas, dengan meneliti faktor yang mendorong kepada pembentukan stereotaip dapat memberi petunjuk dalam mengawal isu perkauman terutama berdasarkan perspektif pelajar Melayu kerana sering dikaitkan dengan kerencaman hubungan antara etnik bukan Melayu.

Ajtony (2011) serta Akhmad dan rakan (2018) menjelaskan bahawa faktor asas bagi pembentukan stereotaip terhadap seseorang ataupun kumpulan sosial adalah melalui pendekatan kognitif. Hal ini kerana, sifat stereotaip sering dikaitkan dengan pengkategorian sosial yang signifikan dengan pendekatan kognitif. Akhmad dan rakan (2018), Bar-Tal (1997) serta Ibroshcheva dan Ramaprasad (2008) turut menerangkan bahawa kebanyakan kajian mengenai stereotaip memfokuskan kepada proses kognitif serta kurangnya kajian yang melihat pembentukan stereotaip berdasarkan faktor sosial. Mesoudi (2009) juga mencadangkan pembentukan stereotaip dikaji berdasarkan pendekatan pengaruh sosial melalui perantaraan yang disampaikan daripada individu kepada individu lain. Malah, kajian lepas banyak menjelaskan pembentukan stereotaip dalam diri seseorang tetapi jarang membincangkan mengenai bagaimana stereotaip terbentuk di antara individu (Martin dll., 2017). Justeru, dalam kajian ini mengambil kira kedua-dua pendekatan dalam menjelaskan pembentukan pandangan stereotaip secara lebih komprehensif.

Melihat pendekatan kognitif sebagai faktor yang mempengaruhi pembentukan stereotaip dapat menjelaskan bagaimana pengkategorian dan perbandingan sosial berlaku berdasarkan perspektif individu itu sendiri. Ahli psikologi sosial turut menjelaskan bahawa proses pengkategorian dan perbandingan sosial ini adalah untuk mencapai identifikasi sosial yang positif serta memberi kesan kepada pandangan stereotaip (Bresnahan & Lee, 2011). Malah, melalui pendekatan kognitif ataupun faktor dalaman bagi pembentukan stereotaip negatif terhadap kumpulan luar menjelaskan kesan sifat kepunyaan dan pilih kasih kepada kumpulan sendiri (Bresnahan & Lee, 2011; Grabowski & Broemer, 2018). Justeru, penting untuk melihat sama ada kesan identifikasi sosial sebagai faktor dalaman ini memberi kesan kepada tahap stereotaip dalam kalangan pelajar Melayu terhadap bukan Melayu melalui konteks individu itu sendiri. Manakala, pengaruh sosial sebagai faktor pembentukan stereotaip pula dapat menerangkan kesan persekitaran sosial dalam mempengaruhi pandangan, sikap dan tingkah laku seseorang. Pengaruh sosial juga merupakan agen perubahan yang dipengaruhi daripada pengalaman interaksi dengan individu atau kumpulan lain (Akhmad dll., 2018; Rashotte, 2007; Salazar dll., 2013).

Pengalaman dan kekerapan interaksi secara langsung antara kumpulan didapati mempengaruhi pembentukan stereotaip terhadap kumpulan luar sama ada positif ataupun negatif (Pettigrew, 1998; Tan dll., 2010). Selain itu, kekurangan penerimaan maklumat melalui kaedah interaksi secara langsung mengenai

kumpulan luar mendorong seseorang itu mendapatkan maklumat daripada sumber lain seperti saluran media (Arendt, 2013; Dixon, 2006, Tan dll., 2010). Malah, Tan dan rakan (2010) turut mencadangkan penilaian pengaruh sumber maklumat daripada bukan media, seperti keluarga dan rakan sebaya bagi melihat perbezaan kesan pembentukan stereotaip. Hal ini kerana, keluarga dan rakan sebaya merupakan agen sosialisasi utama kepada anak-anak yang banyak memberi pengaruh dalam proses pembentukan sikap dan tingkah laku (Tan dll., 2010; Webb & Zimmer-Gembeck, 2014). Justeru, penting untuk menilai tahap stereotaip dalam kalangan pelajar Melayu terhadap bukan Melayu melalui pendekatan pengaruh sosial seperti interaksi antara kumpulan dan sosialisasi bagi menjelaskan bagaimana stereotaip terbentuk di antara individu.

Menerusi kepentingan peranan pelajar sebagai generasi akan datang ternyata memerlukan satu kajian awal bagi menangani isu hubungan antara etnik dengan memahami proses pembentukan stereotaip terutama melalui pendekatan kognitif dan pengaruh sosial seperti identifikasi sosial, interaksi dan sosialisasi. Justeru, timbul beberapa persoalan seperti bagaimanakah tahap interaksi antara kumpulan, pengaruh sosialisasi dan identifikasi sosial dalam kalangan pelajar Melayu IPT? Malah, adakah terdapat hubungan yang mempengaruhi stereotaip berdasarkan interaksi antara kumpulan, pengaruh sosialisasi dan identifikasi sosial dalam kalangan pelajar Melayu IPT ini? Selain itu, kajian ini turut melihat pendekatan identifikasi sosial sebagai pemboleh ubah mediator. Seperti kajian Cheng dan Guo (2015) mendapati identifikasi sosial juga berperanan sebagai pemboleh ubah mediator bagi menjelaskan peranan individu itu sendiri terhadap pembentukan sikap dan tingkah laku yang didorong oleh pengaruh sosial. Namun, dalam konteks kajian ini pengkaji memfokuskan kepada identifikasi sosial sebagai mediator bagi interaksi antara kumpulan dan pengaruh sosialisasi terhadap bentuk stereotaip. Justeru, persoalannya, adakah wujudnya kesan mediator identifikasi sosial antara interaksi dan pengaruh sosialisasi terhadap stereotaip dalam kalangan pelajar Melayu IPT?

Berdasarkan isu dan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti, maka suatu kajian berkaitan pandangan stereotaip dalam kalangan pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu dilakukan dengan melihat pendekatan kognitif dan pengaruh sosial sebagai faktor pembentukan. Kajian ini juga dilakukan bagi memenuhi kekurangan kajian-kajian lepas serta menjawab isu yang telah dibincangkan sebelum ini. Selain itu, hasil dapatan ini dapat membantu pihak kerajaan mengenal pasti masalah perkauman berdasarkan pendekatan psikologi sosial serta mengimplementasikan kaedah dan intervensi yang terbaik untuk meningkatkan perpaduan nasional selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai perpaduan dalam kepelbagaian melalui integrasi nasional. Malah, berdasarkan kajian ini turut memberi sumbangan baru kepada penyelidik psikologi sosial khusus terhadap konteks hubungan antara etnik berdasarkan pandangan stereotaip dalam kalangan pelajar Melayu IPT.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Bagaimanakah tahap interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media), identifikasi sosial serta pandangan stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT?
2. Adakah terdapat perbezaan pandangan stereotaip kompetensi dan keselesaan berdasarkan umur dan gender dalam kalangan pelajar Melayu IPT?
3. Adakah terdapat hubungan yang mempengaruhi interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media), identifikasi sosial dengan tahap pandangan stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT?
4. Adakah terdapat kesan mediator bagi identifikasi sosial terhadap interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media) dengan tahap pandangan stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT?

1.4 Objektif Kajian

Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap stereotaip berdasarkan dimensi kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Objektif Khusus

- 1) Mengetahui pasti tahap interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media), identifikasi sosial serta stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT.
- 2) Menentukan perbezaan stereotaip kompetensi dan keselesaan berdasarkan umur dan gender dalam kalangan pelajar Melayu IPT.
- 3) Menentukan hubungan yang mempengaruhi interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media), identifikasi sosial dengan tahap stereotaip

- kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT.
- 4) Menentukan kesan mediator bagi identifikasi sosial terhadap interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media) dengan tahap stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT.

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan ramalan operasi khusus mengenai hasil daripada kajian saintifik yang boleh diuji secara empirikal (Rogers & Sands, 2011). Bukti-bukti daripada cerapan penyelidikan akan menentukan sama ada sesuatu hipotesis itu perlu diterima atau tidak. Pembentukan hipotesis nol (H_0) dan alternatif (H_a) dalam kajian ini adalah berlandaskan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidikian lalu. Sekiranya terdapat banyak kajian lalu yang menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan atau perhubungan yang signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji, maka hipotesis alternatif dibentuk untuk kajian ini. Hipotesis nol pula dibentuk sekiranya kajian-kajian lalu kurang atau tidak menunjukkan perbezaan atau perhubungan yang signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji.

Asas pembentukan hipotesis alternatif dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian oleh Copping dan rakan (2013) yang mendapati terdapat perbezaan umur. Begitu juga kajian lepas mendapati bahawa terdapat perbezaan stereotaip antara umur dan gender (Stewart dll., 2009; von Hippel dll., 2000). Namun, Mohd. Amar dan rakan (2013) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara stereotaip pelajar sekolah berdasarkan gender. Walau bagaimanapun, kajian terkini oleh Babbitt dan rakan (2018) mendapati terdapat perbezaan signifikan pandangan stereotaip berdasarkan gender. Justeru, berdasarkan kajian-kajian lepas dan yang terkini menjelaskan bahawa pandangan stereotaip kebanyakannya mempunyai perbezaan secara signifikan berdasarkan umur dan gender serta secara tidak langsung membentuk hipotesis alternatif (H_a) bagi domain tersebut.

Bagi hipotesis untuk objektif tiga pula mendapati interaksi antara kumpulan (Bratanova & Kashima, 2014; Peng, 2010) pengaruh sosialisasi (Odenweller & Harris, 2018; Rodgers & Chabrol, 2009; Webb & Zimmer-Gembeck, 2014) dan identifikasi sosial (Rubin dll., 2016) mempunyai perkaitan terhadap stereotaip. Begitu juga kajian lepas yang dilakukan oleh Hughes dan Baldwin (2002), mendapati terdapatnya perkaitan yang signifikan bagi interaksi antara kumpulan dan stereotaip. Selain itu, kajian lepas melalui eksperimen mendapati wujudnya hubungan pengkategorian sosial atau identifikasi sosial dengan stereotaip (Johnson dll., 2000; Schaller, 1991). Justeru, berdasarkan kajian-kajian lepas dan yang terkini interaksi antara kumpulan, pengaruh sosialisasi dan identifikasi sosial mempunyai perkaitan secara signifikan serta secara tidak langsung membentuk hipotesis alternatif (H_a) bagi domain tersebut.

Asas pembentukan hipotesis empat dalam kajian ini pula yang melihat pengaruh identifikasi sosial sebagai pemboleh ubah pengantara kepada interaksi antara kumpulan dan pengaruh sosialisasi terhadap stereotaip adalah berdasarkan kerangka konsep yang dibentuk berdasarkan kerangka teori seperti Teori Identiti Sosial (Tajfel & Turner, 1979) dan Model Kandungan Stereotaip (Fiske dll., 2002). Walaupun secara umumnya, berdasarkan kerangka konsep dan pemboleh ubah yang dikaji berhubung serta mempengaruhi antara satu sama lain, namun pengkaji membangunkan hipotesis nol (H_0) disebabkan oleh kurangnya kajian yang membuktikan secara langsung hubungan signifikan antara kesemua pemboleh ubah kajian. Malah, kajian ini juga merupakan satu kajian baru yang dilakukan dalam kalangan pelajar berdasarkan konteks masyarakat di Malaysia.

Berikut merupakan hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk mengikut objektif kajian:

Objektif 2: Menentukan perbezaan stereotaip kompetensi dan keselesaan berdasarkan umur dan gender dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 1 – H_a : Terdapat perbezaan secara signifikan stereotaip kompetensi berdasarkan umur dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 2 – H_a : Terdapat perbezaan secara signifikan stereotaip kompetensi berdasarkan gender dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 3 – H_a : Terdapat perbezaan secara signifikan stereotaip keselesaan berdasarkan umur dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 4 – H_a : Terdapat perbezaan secara signifikan stereotaip keselesaan berdasarkan gender dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Objektif 3: Menentukan hubungan yang mempengaruhi interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media), identifikasi sosial dengan tahap stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 5 – H_a : Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi interaksi antara kumpulan (kuantiti) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 6 – H_a : Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi interaksi antara kumpulan (kualiti) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 7 – H_a : Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (keluarga) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 8 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (rakan) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 9 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (media) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 10 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi identifikasi sosial dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar

Hipotesis 11 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi interaksi sosial (kuantiti) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 12 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi interaksi sosial (kualiti) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 13 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (keluarga) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 14 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (rakan) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 15 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (media) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 16 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi identifikasi sosial dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 17 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi interaksi antara kumpulan (kuantiti) dengan identifikasi sosial dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 18 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi interaksi antara kumpulan (kualiti) dengan identifikasi sosial dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 19 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (keluarga) dengan terhadap identifikasi sosial dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 20 – H_a: Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (rakan) dengan terhadap identifikasi sosial dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 21 – H_a : Terdapat hubungan yang mempengaruhi secara signifikan bagi pengaruh sosialisasi (media) dengan terhadap identifikasi sosial dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Objektif 4: Menentukan kesan mediator bagi identifikasi sosial terhadap interaksi antara kumpulan (kuantiti, kualiti), pengaruh sosialisasi (keluarga, rakan, media) dengan tahap stereotaip kompetensi dan keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 22 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap interaksi antara kumpulan (kuantiti) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 23 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap interaksi antara kumpulan (kualiti) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 24 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap pengaruh sosialisasi (keluarga) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 25 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap pengaruh sosialisasi (rakan) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 26 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap pengaruh sosialisasi (media) dengan tahap stereotaip kompetensi dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 27 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap interaksi antara kumpulan (kuantiti) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 28 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap interaksi antara kumpulan (kualiti) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT


Hipotesis 29 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap pengaruh sosialisasi (keluarga) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 30 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap pengaruh sosialisasi (rakan) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

Hipotesis 31 – H_0 : Tidak terdapat kesan mediator secara signifikan bagi identifikasi sosial terhadap pengaruh sosialisasi (media) dengan tahap stereotaip keselesaan dalam kalangan pelajar Melayu IPT

1.6 Kerangka Teoretikal Kajian

Teori bertujuan untuk membantu penyelidik melihat struktur yang koheren dengan fenomena serta memberi kemajuan dalam domain yang sebelum ini belum dipetakan bagi memahami dunia sekeliling (Lange, 2013). Sehubungan itu, asas kerangka teoretikal kajian ini adalah Teori Identiti Sosial (Tajfel & Turner, 1979) dan Model Kandungan Stereotaip (Fisk dll., 2002) seperti Rajah 1 di bawah. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menjelaskan proses pembentukan stereotaip berdasarkan faktor sosial dan individu serta peranan faktor individu sebagai pemboleh ubah mediator. Berikut merupakan penjelasan terperinci mengenai teori yang dipilih dan pengaplikasian teori dan model dalam kajian:



Rajah 1: Kerangka Teoretikal: Proses Pembentukan Stereotaip dalam Kalangan Pelajar Melayu IPT

Teori Identiti Sosial (SIT) oleh Tajfel dan Turner (1979)

Teori Identiti Sosial atau dikenali sebagai *Social Identity Theory* (SIT) merupakan salah satu asas pendekatan psikologi sosial yang mengkaji penyebab kepada konflik antara kumpulan melalui pengaruh pengkategorian sosial. Pembentukan SIT bermula daripada kajian awal yang dilakukan oleh Tajfel & Turner (1979) untuk meneroka peranan yang dimainkan oleh pengkategorian sosial dalam tingkah laku antara kumpulan. Beliau memperkenalkan konsep identiti sosial sebagai “pengetahuan individu mengenai kumpulan sosial yang dimiliki bersama dengan kepentingan emosi dan nilai terhadap keahliannya dalam kumpulan”. Justeru, melalui definisi SIT tersebut wujudnya konsep pengelasan ataupun pengkategorian. Pengkategorian sosial mendorong kepada kewujudan dalam kumpulan (*in-group*) dan luar kumpulan (*out-group*) yang boleh mempengaruhi kepada diskriminasi terhadap antara kumpulan (Hornsey, 2008; Turner, 1975). Lantaran itu, SIT merupakan satu pendekatan kerangka teori bagi menjelaskan konflik sosial bukan hanya berlaku disebabkan persaingan antara kumpulan tetapi individu itu sendiri yang dipengaruhi oleh pengkategorian sosialnya.

Pengkategorian dalam teori identiti sosial dapat dilihat melalui dua pendekatan, iaitu berdasarkan elemen deduktif dan induktif. Pendekatan elemen deduktif dalam teori identiti sosial menjelaskan pengkategorian dipengaruhi daripada kesan asimilasi diri terhadap kategori sosial serta dikenali sebagai pengkategorian sendiri atau *self-categorization* (Cheng & Guo, 2015; Postmes dll., 2005). Deaux dan Martin (2003), pula menyatakan elemen deduktif adalah mewakili tindak balas terhadap persepsi secara langsung dengan menentukan diri berdasarkan tahap persamaan atau perbezaan dengan orang lain dalam persekitaran sosialnya. Justeru, elemen deduktif dalam pendekatan teori identiti sosial adalah mengenai pengkategorian yang terbentuk daripada pandangan persamaan ciri umum dalam sesebuah kumpulan. Manakala, pendekatan elemen induktif dalam teori identiti sosial pula menerangkan pengkategorian dipengaruhi daripada kesan integrasi diri (Postmes dll., 2005) melalui sumbangan tingkah laku, interaksi sosial dan hubungan dalam rangkaian sosial atau organisasi (Cheng & Guo, 2015; Rink & Ellemers, 2007).

Cheng dan Guo (2015) turut menjelaskan pendekatan elemen induktif dalam Teori Identiti Sosial juga dikenali sebagai identifikasi sosial. Malah, pembentukan pengkategorian berdasarkan pendekatan elemen induktif memfokuskan kepada sumbangan tingkah laku individu serta kesan pengaruh sosial yang didorong oleh pencapaian matlamat dan kepercayaan yang sama (Jans dll., 2012). Pendekatan elemen induktif turut menonjolkan perasaan kepunyaan dalam sesebuah kumpulan melalui pandangan serta penerimaan individu terhadap matlamat dan tujuan yang sama (Jans dll., 2012; Wegge & Haslam, 2003). Oleh itu, pendekatan elemen induktif adalah kesan hubungan individu dalam rangkaian sosial yang membentuk pengkategorian. Justeru, Teori Identiti Sosial menekankan rangka kerja untuk memahami proses stereotaip melalui konsep pengkategorian dalam kumpulan dan luar kumpulan. Breshnahan dan Lee (2011) serta Ferrucci dan Tandoc (2018) juga berpendapat Teori Identiti Sosial merupakan teori yang sesuai digunakan untuk menjelaskan proses stereotaip. Lantas, dalam kajian ini memfokuskan kepada pendekatan elemen induktif dalam teori identiti sosial sebagai rangka kerja untuk menjelaskan proses pembentukan stereotaip.

Pendekatan elemen induktif dalam teori identiti sosial dilihat dapat menjelaskan kesan interaksi antara kumpulan serta pengaruh sosialisasi sebagai pemboleh ubah bebas kepada pandangan sosial. Hal ini kerana, interaksi dalam pendekatan identiti sosial dapat menjelaskan dan menentukan kualiti hubungan antara satu sama lain (McKenna dll., 2002) dengan membentuk rasa suka dan percaya (Chua & Balkunje, 2013) yang meningkatkan persepsi persamaan antara satu sama lain (Cheng & Guo, 2015; McLeish & Oxoby, 2011). Malah, interaksi dan pengaruh sosialisasi merupakan anteseden yang penting dalam perasaan kepunyaan bagi konteks rangkaian kumpulan (Easterbrook & Vignoles, 2013; Jones & Volpe, 2011). Oleh itu, interaksi dan pengaruh

sosialisasi dalam konteks kajian ini merujuk kepada kesan pengalaman serta pembelajaran dengan membentuk pandangan sosial melalui kepercayaan yang sama. Pendekatan identiti sosial juga adalah berkaitan dengan pengekalan rasa keunggulan serta mendorong kepada penghargaan sendiri. Justeru, berdasarkan pendekatan kerangka teori ini mengandaikan bahawa seseorang akan mudah menstereotaipkan individu daripada kumpulan sendiri lebih positif berbanding kumpulan luar.

Berdasarkan kajian lepas juga menerangkan bahawa individu lebih mudah mempersepsi serta menilai sesuatu perkara dalam kumpulan secara positif berbanding kumpulan luar (Betterncourt dll., 2001) dengan menonjolkan rasa kekitaan yang terbentuk melalui persepsi dan penerimaan terhadap matlamat tugas bersama (Cheng & Guo, 2015; Wegge & Haslam, 2003). Lantaran itu, semakin banyak persamaan dan perasaan kepunyaan dalam kumpulan menyebabkan semakin kuat identiti sosial terhadap kumpulan tersebut. Malah, Cheng dan Guo (2015) juga menjelaskan bahawa melihat identifikasi sosial sebagai pemboleh ubah perantara atau mediator dapat memberi gambaran peranan individu itu sendiri dalam proses pembentukan sikap dan tingkah laku. Oleh itu, kajian ini turut melihat identifikasi sosial sebagai pemboleh ubah mediator bagi menjelaskan proses pembentukan stereotaip yang dipengaruhi oleh individu itu sendiri serta didorong faktor sosial.

Model Kandungan Stereotaip (SCM), Fiske, Cuddy, Glick & Xu (2002)


Model kandungan stereotaip atau dikenali sebagai *Stereotype Content Model* (SCM) diperkenalkan oleh Fiske dan rakan (2002) bagi menerangkan bagaimana pemboleh ubah struktur sosial mempengaruhi dimensi stereotaip serta menyebabkan emosi yang dirasakan berbeza terhadap kumpulan yang berbeza. Asas pembentukan model kandungan stereotaip ini adalah daripada kajian pertimbangan sosial klasik Rosenberg dan rakan (1968) melalui pelbagai sifat personaliti yang dipengaruhi oleh dimensi sosial atau mesra (baik/buruk) dan intelektual atau cekap (baik/buruk) (Fiske dll., 2002; Fiske, 2018; Kervyn dll., 2010). Malah, Kervyn dan rakan (2010) serta Fiske (2018) menjelaskan bahawa teori peranan sosial oleh Eagly (1987) turut menjadi rangka asas kepada model kandungan stereotaip ini.

Berdasarkan kajian pertimbangan sosial klasik dan teori peranan sosial telah membentuk dua dimensi dalam model kandungan stereotaip oleh Fiske dan rakan (2002), iaitu dimensi 'keselesaan' (*warmth*) dan 'kompetensi' (*competence*). Dua dimensi ini dapat menjadi asas gambaran kepada hubungan dan tingkah laku antara kumpulan (Fiske, 2018; Kervyn dll., 2010). Selain itu, menerusi dimensi dalam model kandungan stereotaip ini dapat menerangkan dua persoalan yang sering timbul ketika berinteraksi dengan individu atau

kumpulan lain. Persoalan pertama yang wujud adalah berkaitan dengan "adakah mereka kawan ataupun musuh?" serta menentukan sama ada mereka 'menyelesaikan' atau tidak. Manakala, persoalan kedua berkaitan dengan "apakah mereka mampu atau tidak dapat melaksanakan niat mereka?" serta menentukan tahap 'kompetensi' individu atau kumpulan tersebut.

Berdasarkan pengkaji psikologi sosial juga menjelaskan 'keselesaian' dan 'kompetensi' merupakan dimensi asas yang menyumbang sebanyak 80% varian terhadap persepsi sosial dalam tingkah laku harian (Fiske, 2018; Kervyn dll., 2015). Lantaran itu, dimensi 'keselesaian' mencerminkan kepada keramahan, ikhlas, bermoral, boleh dipercayai (Cuddy dll., 2007; Fiske dll., 2002), berniat baik (Aktan, 2013), mesra, jujur dan disukai (Abele dll., 2016). Manakala, dimensi 'kompetensi' pula adalah mewakili kepada kuat, bijak, cekap, bermotivasi (Cuddy dll., 2007; Fiske dll., 2002), berkeyakinan, keterampilan (Aktan, 2013), berkemahiran dan tegas (Abele dll., 2016). Lantas, dalam kajian ini menggunakan gabungan ciri-ciri dalam dimensi 'keselesaian' sebagai penjelasan terhadap seseorang yang mudah bergaul mesra. Dimensi 'kompetensi' pula sebagai seorang berkeupayaan untuk melaksanakan sebarang tugas yang mempunyai sifat persaingan.

Menurut Sanders dan Ramasubramaniam (2012) menjelaskan bahawa kombinasi sifat yang terdapat dalam dimensi stereotaip 'keselesaian' dan 'kompetensi' oleh Fiske dan rakan (2002) menghasilkan emosi antara kumpulan yang unik. Kombinasi 'keselesaian' dan 'kompetensi' mewujudkan empat taksonomi prasangka, iaitu paternalisme, idola, hina dan dengki seperti Rajah 2. Sebagai contoh, tinggi tahap 'keselesaian' dan 'kompetensi' merupakan pandangan positif dengan rasa kagum yang dianggap 'idola' terutama terhadap ahli kumpulan sendiri. Manakala, tinggi tahap 'kompetensi' dan rendah tahap 'keselesaian' pula merupakan pandangan negatif dengan rasa cemburu yang dianggap 'dengki' terutama terhadap orang yang lebih hebat atau kaya. Lantaran itu, Fiske dan rakan (2002) mendapati dua dimensi model kandungan stereotaip sebagai struktur bebas yang bertindak balas kepada emosi dan tingkah laku terhadap seseorang. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terhad membincangkan mengenai pandangan stereotaip sahaja dan tidak mengkaji secara lebih terperinci terhadap konsep prasangka dan diskriminasi.



Rajah 2: Gabungan Stereotaip Kompetensi dan Keselesaan oleh Fiske dan rakan (2002)


(Sumber: Sanders & Ramasubramaniam, 2012)

Secara umumnya, Model Kandungan Stereotaip atau *Stereotype Content Model* (SCM) menerangkan kepada sebab dan akibat secara komprehensif berdasarkan struktur sosial dengan melihat ramalan daripada dimensi stereotaip (keselesaan, kompetensi) dan seterusnya membawa terhadap jangkaan perasaan prasangka (paternalisme, idola, hina dan dengki) serta diskriminasi. Oleh itu, pendekatan SCM menjelaskan dimensi stereotaip ini mempunyai perkaitan terhadap konteks peranan (Koenig & Eagly, 2014) serta struktur sosial (Alexander dll. 1999; Cuddy dll., 2007; Fiske dll. 2002; Fiske, 2018) dengan dipengaruhi oleh persaingan antara kumpulan yang akhirnya mencetuskan ketegangan serta konflik sosial. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan SCM bagi menerangkan bentuk pandangan stereotaip secara lebih terperinci serta memberi gambaran umum mengenai hubungan antara etnik. Selain itu, SCM digunakan sebagai perkembangan kepada Teori Identiti Sosial yang menjelaskan proses stereotaip kepada bentuk pandangan lebih spesifik.

1.7 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pemboleh ubah yang dikaji serta memberi petunjuk dalam proses penganalisan data. Asas kerangka konsep yang dibina dalam kajian ini adalah berlandaskan Teori Identiti Sosial dan Model Kandungan Stereotaip. Teori Identiti Sosial dipilih sebagai struktur rangka kerja kajian bagi menjelaskan proses pembentukan stereotaip. Seperti kajian Bresnahan dan Lee (2011) serta Ferrucci dan Tandoc (2017) menerangkan bahawa Teori Identiti Sosial sesuai digunakan untuk memahami proses pembentukan stereotaip melalui pendekatan pengkategorian. Manakala, peranan Model Kandungan Stereotaip dalam kajian ini pula adalah sebagai perkembangan kepada Teori Identiti Sosial bagi menjelaskan bentuk pandangan terhadap kumpulan secara lebih terperinci melalui dimensi stereotaip kompetensi dan keselesaan.

Berikut berdasarkan Rajah 3, memaparkan kerangka konsep kajian yang terdiri daripada sosio-demografi, interaksi antara kumpulan, pengaruh sosialisasi, identifikasi sosial dan stereotaip. Sosio-demografi atau latar belakang responden merupakan pemboleh ubah anteseden atau *antecedent variable* (AV). Interaksi antara kumpulan, pengaruh sosialisasi dan identifikasi sosial pula adalah pemboleh ubah bebas atau *independent variable* (IV) dan stereotaip mewakili pemboleh ubah bersandar atau *dependent variable* (DV). Pemboleh ubah bebas atau *independent variable* (IV) dalam kajian ini membincangkan interaksi antara kumpulan berdasarkan kuantiti dan kualiti hubungan yang merupakan pendekatan secara langsung dalam psikososial. Manakala, pengaruh sosialisasi merujuk kepada pendekatan secara tidak langsung yang merangkumi tiga jenis agen utama, iaitu keluarga, rakan dan media.



Rajah 3: Kerangka Konsep Kajian

Identifikasi sosial pula merujuk kepada pendekatan intrapersonal yang melihat pandangan individu itu sendiri dengan menilai perasaan kekitaan terhadap kumpulan yang dimiliki serta berperanan sebagai mediator di antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar atau *dependent variable* (DV). Selain itu, pemboleh ubah bersandar kajian ini merupakan stereotaip yang diukur berdasarkan dua dimensi, iaitu 'kompetensi' dan 'keselesaian'. Malah, melalui pendekatan Teori Identiti Sosial turut menjelaskan bahawa proses pembentukan stereotaip adalah dipengaruhi daripada pengkategorian kumpulan seperti identifikasi sosial. Identifikasi sosial turut dipengaruhi oleh rangkaian sosial antaranya berdasarkan interaksi dan sosialisasi. Manakala, Model Kandungan Stereotaip pula berperanan sebagai bentuk pandangan terhadap kumpulan sosial secara lebih terperinci melalui dimensi kompetensi dan keselesaian.

Berdasarkan kerangka konsep kajian yang telah dibina, pengkaji berminat untuk meneliti perbezaan faktor demografi seperti umur dan gender terhadap stereotaip. Selain itu, kerangka konsep kajian ini turut menjelaskan tahap setiap pemboleh ubah serta faktor yang mempengaruhi stereotaip (DV) berdasarkan interaksi antara kumpulan, pengaruh sosialisasi dan identifikasi sosial (IV). Malah, kerangka kajian ini menjangkakan bahawa interaksi antara kumpulan dan pengaruh sosialisasi memberi kesan kepada identifikasi sosial sebagai pemboleh ubah mediator yang merujuk perasaan kekitaan dalam kumpulan etnik sendiri serta akhirnya mempengaruhi tahap stereotaip kompetensi yang tinggi terhadap etnik lain. Seperti Bresnahan dan Lee (2011) menyatakan bahawa seseorang mudah menilai kumpulan sendiri lebih positif berbanding kumpulan luar. Secara tidak langsung, dua dimensi stereotaip ini dapat memberi gambaran umum mengenai hubungan sosial sama ada mereka kawan ataupun lawan.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian stereotaip etnik yang dilakukan ini adalah satu kajian yang penting serta kesignifikanan kajian ini dilihat dari tiga aspek utama, iaitu aspek perkembangan ilmu dalam disiplin psikologi sosial, aspek kepelbagaian etnik dalam kalangan pelajar sebagai generasi masa hadapan dan aspek kepentingan dasar. Kepentingan kajian yang pertama mengenai perkembangan korpus ilmu khususnya stereotaip etnik dapat memberikan satu sumbangan kepada penyelidikan yang melihat konteks pandangan stereotaip terhadap kepelbagaian etnik dalam disiplin psikologi sosial. Hasil kajian ini juga penting kerana penyelidikan berkenaan stereotaip etnik di peringkat tempatan dalam disiplin psikologi sosial adalah terhad. Kebanyakan kajian stereotaip di peringkat tempatan memfokuskan penyelidikan dalam konteks sosiologikal dan antropologi. Oleh itu, kajian ini adalah lanjutan daripada kajian-kajian lepas serta memperkembangkan pemahaman mengenai pembentukan stereotaip etnik di Malaysia dengan lebih meluas melalui gabungan faktor identiti sosial sebagai pendekatan psikologikal.

Kedua, kajian ini penting bagi menggambarkan pola atau corak psikologi khususnya elemen kognitif subjek kajian, iaitu pelajar sebagai agen generasi masa hadapan. Pemikiran atau kognisi sosial banyak di pengaruhi oleh persekitaran sosial serta mempengaruhi sikap dan sifat peribadi seseorang. Melalui kajian ini dapat menggambarkan bagaimana kognisi dan kepercayaan pelajar terhadap pandangan stereotaip di antara pelbagai etnik berdasarkan faktor sosiologikal dan psikologikal. Meneroka pendekatan faktor sosiologikal dapat menerangkan tahap pengetahuan umum pelajar serta menjelaskan kesan pengaruh persekitaran sosial sebagai saluran maklumat terhadap pembentukan stereotaip dalam kalangan pelajar. Selain itu, berdasarkan pembentukan stereotaip bagi faktor psikologikal pula dapat menjelaskan pengaruh kognitif pelajar melalui pandangan dan proses pengkategorian terhadap kepelbagaian etnik. Disamping itu, memahami pandangan dan kepercayaan pelajar terhadap stereotaip etnik dapat memberi gambaran terhadap hubungan sosial serta perpaduan nasional dalam kalangan pelajar.

Aspek ketiga kepentingan kajian ini adalah mengenai kepentingan dasar, di mana dapatan kajian ini dapat membantu pihak bertanggungjawab seperti Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenal pasti indikator pembentukan stereotaip yang memberi impak kepada polarisasi sosial serta perpaduan nasional. Bukanlah bermakna indikator ini mampu memberi petunjuk kepada tujuan meningkatkan perpaduan nasional tetapi setidaknya memberi garis panduan serta meramal trend tingkah laku pelajar terhadap hubungan etnik. Sejajar dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan perpaduan nasional, faktor pembentukan stereotaip etnik yang telah dikenal pasti dapat diperhalusi dan diberikan penekanan agar pihak bertanggungjawab dapat membangunkan strategi intervensi serta program yang sesuai dalam meningkatkan perpaduan nasional selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) dan Dasar Perpaduan Negara (DPN) bagi mencapai perpaduan dalam kepelbagaian melalui integrasi nasional.

1.9 Definisi Konsep dan Istilah

Stereotaip

Konseptual:

Stereotaip didefinisikan sebagai kepercayaan seseorang dalam kumpulan tertentu yang mempunyai sifat atau karakter yang sama (Williams dll., 2012).

Operasional:

Secara operasionalnya, stereotaip merupakan kepercayaan seseorang dalam kumpulan tertentu berdasarkan sifat atau karakter yang sama serta diukur berdasarkan pandangan terhadap dimensi 'kompetensi' dan 'keselesaian' melalui instrumen *Stereotype Content Model* (SCM) dengan format 5 skala *likert*, iaitu sangat tidak setuju sehingga sangat setuju.

Sosialisasi

Konseptual:

Sosialisasi didefinisikan sebagai proses sosial, kognitif dan perkembangan individu dalam memperoleh kepercayaan, nilai, norma sosial serta tingkah laku untuk berinteraksi dengan masyarakat (Huang dll., 2019; Loyd & Gaither, 2018; Rogoff, 2003).

Operasional:

Secara operasionalnya, sosialisasi adalah proses sosial, kognitif dan perkembangan individu dalam memperoleh kepercayaan, nilai, norma sosial serta tingkah laku untuk berinteraksi dengan masyarakat yang dipengaruhi daripada keluarga, rakan dan media dengan menggunakan alat ukuran pengaruh sosialisasi berdasarkan adaptasi instrumen Huang dan rakan (2019) melalui format 5 skala *likert*, iaitu sangat tidak setuju sehingga sangat setuju.

Interaksi antara Kumpulan

Konseptual:

Interaksi antara kumpulan didefinisikan sebagai interaksi bersemuka secara langsung di antara ahli kumpulan yang berbeza (Christ & Kauff, 2019).

Operasional:

Secara operasionalnya, interaksi antara kumpulan adalah interaksi bersemuka secara langsung di antara ahli kumpulan yang berbeza serta diukur berdasarkan tahap kualiti dan kuantiti interaksi melalui instrumen *General Intergroup Contact Quantity and Contact Quality (CQCQ)* dengan format 5 skala *likert*, iaitu tiada sama sekali sehingga selalu.

Identifikasi sosial

Konseptual:

Identifikasi sosial didefinisikan sebagai perasaan kekitaan yang terbentuk berdasarkan persepsi dan penerimaan individu terhadap tugas serta tujuan yang sama (Ellemers dll., 1999; Cheng & Guo, 2015).

Operasional:

Secara operasionalnya, identifikasi sosial adalah perasaan kekitaan yang terbentuk melalui persepsi dan penerimaan individu terhadap tugas serta tujuan sama dengan alat ukuran identifikasi sosial berdasarkan adaptasi daripada instrumen Ellemers dan rakan (1999) menggunakan format 7 skala *likert*, iaitu sangat tidak setuju sehingga sangat setuju.

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian dan permasalahan kajian untuk menerangkan mengenai pembentukan stereotaip etnik dalam kalangan pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia serta membincangkan persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, teoretikal kajian, kerangka konsep dan kepentingan kajian. Selain itu, definisi konseptual dan operasional kajian turut dijelaskan. Seterusnya, Bab 2 menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan tinjauan literatur kajian.



RUJUKAN

- Abdul Aziz, B. (2005). *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia Publication.
- Abdul Rahman, E. (2002). Mallangaysia as a Multicultural Society. *Macalester International*, 12, 37–58.
- Abele, A. E., Hauke, N., Peters, K., Louvet, E., Szymkow, A., & Duan, Y. (2016). Facets of the Fundamental Content Dimensions: Agency with Competence and Assertiveness-Communion with Warmth and Morality. *Frontiers in Psychology*, 7, 1-17.
- Adorno, T. W., Frenkel-Brunswik, E., Levinson, D. J., & Sanford, R. N. (1950). *The Authoritarian Personality*. Oxford, England: Harper.
- Ahmad, F., & Samsudin, D. (2017). Kebergantungan Media Sosial Terhadap Isu Arab Spring dalam Kalangan Khalayak di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 423–437.
- Aibinu, A. A. & Al Lawati, A. M. (2010). Using PLS-SEM Technique to Model Construction or Ganizations' Willingness to Participate in e-bidding. *Automation in Construction*, 19(6), 714-724.
- Aina, O. E., & Cameron, P. A. (2011). Why does Gender Matter? Counteracting Stereotypes with Young Children. *Dimensions of Early Childhood*, 39(3), 11–19.
- Ajtony, Z. (2011). Ethnic Stereotype-Impediments or Enhancers of Social Cognition? *Acta Universitatis Sapientiae. Philologica*, 3(2), 134-155.
- Akhmad, M., Chang, S., & Deguchi, H. (2018). Agent-based Model of Negative Out-group Stereotype in Intergroup Conflict Setting. In *2018 Joint 10th International Conference on Soft Computing and Intelligent Systems (SCIS) and 19th International Symposium on Advanced Intelligent Systems (ISIS)* (pp. 1289–1294). IEEE.
- Akram, W., & Kumar, R. (2017). A Study on Positive and Negative Effects of Social Media on Society. *International Journal Computer Science and Engineering*, 5(10), 347–354.
- Aktan, T. (2013). A Contextual Approach to Stereotype Content Model: Stereotype Contents in Context. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 82, 440–444.
- Allen, P., Bennett, K., & Heritage, B. (2014). *SPSS statistics version 22: A practical guide* (3rd Ed.). Melbourne, VIC, Australia: Cengage.

- Al Ramiah, A., Hewstone, M., & Wölfer, R. (2017). Attitudes and Ethnoreligious Integration: Meeting the Challenge and Maximizing the Promise of Multicultural Malaysia Final report: Survey and recommendations Presented to the Board of Trustees, CIMB Foundation.
- Albarello, F., Crocetti, E., & Rubini, M. (2020). Developing Identification with Humanity and Social Well-Being Through Social Identification with Peer Groups in Adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 47(4), 689–702.
- Alexander, M. (2011). The New Jim Crow. *Ohio State Journal of Criminal Law*, 9(1), 9–27.
- Alexander, Q. T. (2018). *Who Am I? Criminal Social Identity as a Mediator in the Relationship between Criminal Peers and Criminal Attitudes within a Sample of Probationers/Parolees*. Portland State University, MSc Thesis.
- Alexander, M. G., Brewer, M. B., & Herrmann, R. K. (1999). Images and Affect: A Functional Analysis of Out-Group Stereotypes. *Journal of Personality and Social Psychology*, 77, 78–93.
- Allport, G. W. (1954). *The Nature of Prejudice*. Reading, MA: Addison Wesley.
- Arellano, E. C., Torres, M. F., & Valentine, K. (2009). Interactional Diversity in Border Colleges: Perceptions of Undergraduate Students. *Journal of Hispanic Higher Education*, 8, 282–297.
- Arendt, F. (2013). Dose-dependent media priming effects of stereotypic newspaper articles on implicit and explicit stereotypes. *Journal of Communication*, 63(5), 830–851.
- Arima, A. N. (2003). Gender stereotypes in Japanese television advertisements. *Sex Role*, 49(1/2), 81–90.
- Arrow, K. (1973). *The Theory of Discrimination*. In O. Ashenfelter and A. Rees, eds. *Discrimination in Labor Markets*. Princeton, N. J: Princeton University Press: 3 – 33.
- Asrizal, M. R. (2013). *Jurnal Biro Tatanegara: Sejarah pembentukan negara bangsa dan 1Malaysia*. Bil. 1. Putrajaya: Biro Tatanegara.
- Asrol, M., Saat, I., & Ariffin, K. (2014). Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera Selepas Tragedi 13 Mei 1969. *Jurnal Perspektif*, 3(6), 138–151.
- Asma, A. (1996). *Going Global – Cultural Dimensions in Malaysian Management*. Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Management.
- Asrul, Z. (2002). *The Malay Ideals*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.

- Awale, A., Chan, C. S., & Ho, G. T. S. (2019). The influence of perceived warmth and competence on realistic threat and willingness for intergroup contact. *European Journal of Social Psychology, 49*(5), 857–870.
- A'zmi, A. A., Mustafar, F. W., Abdul Karim, A. K., & Suhaini, N. (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Malaysia Journal of Social Science, 2*, 1-24.
- Aziz, U., Jamaluddin, M. J., Kadir, A., & Kadaruddin, A. (2014). Kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman), 2*(2), 31-39.
- Aziz, Z., Salleh, A., & Ribu, H. E. (2010). A study of national integration: Impact of multicultural values. *Procedia-Social and Behavioral Sciences, 7*, 69–700.
- Babbitt, L., Gaither, S. E., Toosi, N., & Bay, E. (2018). The Role of Gender in Racial Meta-Stereotypes and Stereotypes. *Social Cognition, 36*, 589–601.
- Bar-Tal, D. (1997). Formation and change of ethnic and national stereotypes: An integrative model. *International Journal of Intercultural Relations, 21*, 491–523.
- Bartram, T., Cooper, B., Cooke, F. L., & Wang, J. (2020). High-performance work systems and job performance: the mediating role of social identity, social climate and empowerment in Chinese banks. *Personnel Review*.
- Baumgartner, S. E., Valkenburg, P. M., & Peter, J. (2010). Assessing Causality in the Relationship Between Adolescents' Risky Sexual Online Behavior and Their Perceptions of this Behavior. *Journal Youth Adolescence, 39*, 1226–1239.
- Becker, J.-M., Ringle, C.M., Sarstedt, M. & Völckner, F. (2015). How Collinearity Affects Mixture Regression Results. *Marketing Letters, 26*(4), 643-659.
- Berger, R., & Hänze, M. (2015). Impact of expert teaching quality on novice academic performance in the jigsaw cooperative learning method. *International Journal of Science Education, 37*(2), 294–320.
- Bettencourt, L. A., Gwinner, K. P., & Meuter, M. L. (2001). A comparison of attitude, personality, and knowledge predictors of service-oriented organizational citizenship behaviors. *Journal of Applied Psychology, 86*(1), 29–41.
- Bonache, J., Langinier, H., & Zárraga-oberty, C. (2015). Antecedents and effects of host country nationals negative stereotyping of corporate expatriates. A social identity analysis. *Human Resource Management Review, 1–10*.
- Bowman, N. A. (2010). College diversity experience and cognitive development: A meta-analysis. *Review of Educational Research, 80*, 4–33.

- Bowman, N. A. (2011). Promoting participation in a diverse democracy: A meta-analysis of college diversity experiences and civic engagement. *Review of Educational Research, 81*, 29 – 68.
- Bowman, N. A., & Denson, N. (2011). The integral role of emotion in interracial interactions and college student outcomes. *Journal of Diversity in Higher Education, 4*(4), 223–235.
- Bratanova, B., & Kashima, Y. (2014). The “Saying Is Repeating” Effect: Dyadic Communication Can Generate Cultural Stereotypes. *The Journal of Social Psychology, 2*, 155–174.
- Brennan, J., & Osborne, M. (2008). Higher education’s many diversities: Of students, institution and experiences; and outcomes? *Research Paper in Education, 23*, 179–190.
- Bresnahan, M. J., & Lee, C. (2011). Activating Racial Stereotypes on Survivor: Cook Islands. *Howard Journal of Communications, 22*(1), 64–82.
- Brown, J., Jiménez, A. L., Sabanathan, D., Sekamanya, S., Hough, M., Sutton, J., Rodríguez, J., & García Coll, C. (2018). Factors related to attitudes toward diversity in Australia, Malaysia, and Puerto Rico. *Journal of Human Behavior in the Social Environment, 28*(4), 475–493.
- Brown, R. J., Condor, F., Mathew, A., Wade, G., & Williams, J. A. (1986). Explaining intergroup differentiation in an industrial organization. *Journal of Occupational Psychology, 59*, 273-286.
- Cameron, L., Rutland, A., Hossain, R., & Petley, R. (2011). When and why does extended contact work? The role of high quality direct contact and group norms in the development of positive ethnic intergroup attitudes amongst children. *Group Processes and Intergroup Relations, 14*, 193–206.
- Cangia, F. (2014). The Hindu Rights Action Force and the Definition of the ‘Indian Community’ in Malaysia. *Sociological Research Online, 19*(4), 82–95.
- Chatard, A., Guimond, S., & Selimbegovic, L. (2007). How good are you in math? The effect of gender stereotypes on students’ recollection of their school marks. *Journal of Experimental Social Psychology, 43*(6), 1017–1024.
- Cheadle, J. E. & Schwadel, P. (2012). The ‘friendship dynamics of religion,’ or the ‘religious dynamics of friendship’? A social network analysis of adolescents who attend small schools. *Social Science Research, 41*, 1198–1212.
- Cheng, Z., & Guo, T. (2015). The Formation of Social Identity and Self-Identity based on Knowledge Contribution in Virtual Communities: An Inductive Route Model. *Computers in Human Behavior, 43*, 229–241.
- Childs, D. J. (2014). Let’s talk about race: Exploring racial stereotypes using popular culture in social studies classrooms. *The Social Studies, 105*(6), 1-10.

- Chin, Y. W. (2003). *Budaya Keusahawanan Cina Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Christ, O., & Kauff, M. (2019). Intergroup contact theory. In *Social psychology in action* (pp. 145– 161). Cham, Switzerland: Springer.
- Chua, A. Y. K., & Balkunje, R. S. (2013). Beyond knowledge sharing: Interactions in online discussion communities. *International Journal of Web Based Communities*, 9, 67–82.
- Chuan, C. L. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7, 78–86.
- Cohen J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. New York, NY: Routledge Academic.
- Collado, S., Evans, G. W., & Sorrel, M. A. (2017). The role of parents and best friends in children's pro- environmentalism: Differences according to age and gender. *Journal of Environmental Psychology*, 54, 27–37.
- Comber, L. 2007. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu – Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Copping, K. E., Kurtz-Costes, B., Rowley, S. J., & Wood, D. (2013). Age and race differences in racial stereotype awareness and endorsement. *Journal of Applied Social Psychology*, 43(5), 971–980.
- Coutant, D., Worchel, S., Bar-tal, D., & Raalten, J. Van. (2011). International Journal of Intercultural Relations A multidimensional examination of the "Stereotype" concept: A developmental approach. *International Journal of Intercultural Relations*, 35(1), 92–110.
- Cox, W. T. L., & Devine, P. G. (2015). Stereotypes possess heterogeneous directionality: A theoretical and empirical exploration of stereotype structure and content. *PLoS One*, 10(3), 1-27.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Crocker, J., & Luhtanen, R. (1990). Collective self-esteem and ingroup bias. *Journal of Personality and Social Psychology*, 58, 60-67.
- Cuddy, A. J. C., Fiske, S. T., & Glick, P. (2007). The BIAS map: Behaviors from intergroup affect and stereotypes. *Journal of Personality and Social Psychology*, 92, 631–648.
- Deaux, K., & Martin, D. (2003). Interpersonal networks and social categories: Specifying levels of context in identity processes. *Social Psychology Quarterly*, 66, 101–117.

- De Caroli, M. E., & Sagone, E. (2013). Black or white? Ethnic stereotypes and prejudicial attitudes in Italian children. *Procedia Social and Behavioral Science*, 93, 574–580.
- Degner, J., & Dalege, J. (2013). The Apple Does Not Fall Far From the Tree, or Does It? A Meta-Analysis of Parent-Child Similarity in Intergroup Attitudes. *Psychological Bulletin*, 139(6), 1270–1305.
- Dholakiaa, U. M., Bagozzia, R. P., & Pearob, L. K. (2004). A social influence model of consumer participation in network and small-group-based virtual communities. *International Journal of Research in Marketing*, 21, 241–263.
- Diamantopoulos, A., Sarstedt, M., Fuchs, C., Wilczynski, P., & Kaiser, S. (2012). Guidelines for choosing between multi-item and single-item scales for construct measurement: A predictive validity perspective. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 40(3), 434–449.
- Dixon, T. L. (2006). Psychological reactions to crime news portrayals of black criminals: Understanding the moderating roles of prior news viewing and stereotype endorsement. *Communication Monographs*, 73(2), 162–187.
- Dovidio, J. F., Gaertner, S. L., & Kawakami, K. (2003). Intergroup contact: The past, present, and the future. *Group Processes & Intergroup Relations*, 6(1), 5–21.
- Dovidio, J. F., Hewstone, M., Glick, P., & Esses, V. M. (2010). *Prejudice, Stereotyping and Discrimination: Theoretical and Empirical Overview*. The SAGE Handbook of Prejudice, Stereotyping and Discrimination, 2 – 28.
- Durante, F., Fiske, S. T., Gelfand, M. J., Crippa, F., Suttora, C., & Stillwell, A. (2017)^b. Ambivalent stereotypes link to peace, conflict, and inequality across 38 nations. In *Proceedings of the National Academy of Sciences of the United States of America*. 114, 669–674.
- Durante, F., Fiske, S. T., Kervyn, N., Cuddy, A. J. C., Akande, A. D., Adetoun, B. E. & Storari, C. C. (2013). Nations' income inequality predicts ambivalence in stereotype content: How societies mind the gap. *British Journal of Social Psychology*, 52(4), 726–746.
- Durante, F., Tablante, C. B., & Fiske, S. T. (2017)^a. Poor but warmth, rich but cold (and competent): Social classes in the stereotype content model. *Journal Of Social Issues*, 73(1), 138–157.
- Eagly, A. H. (1987). *John M. MacEachran memorial lecture series; 1985. Sex differences in social behavior: A social-role interpretation*. Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Eagly, A. H., Diekmann, A. B., Johannesen-Schmidt, M. C., & Koenig, A. M. (2004). Gender gaps in sociopolitical attitudes: A social psychological analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 87, 796–816.

- Easterbrook, M., & Vignoles, V. L. (2013). What does it mean to belong? Interpersonal bonds and intragroup similarities as predictors of felt belonging in different types of groups. *European Journal of Social Psychology, 43*, 455–462.
- Ellemers, N. (1993). The influence of socio-structural variables on identity enhancement strategies. *European Review of Social Psychology, 4*, 27–57.
- Ellemers, N., De Gilder, D., & Haslam, S. A. (2004). Motivating individuals and groups at work: A social identity perspective on leadership and group performance. *Academy of Management Review, 29*, 459–478.
- Ellemers, N., Kortekaas, P., & Ouwerkerk, J. W. (1999). Self-Categorisation, Commitment to the group and group self-esteem as related but distinct aspects of social identity. *European Journal of Social Psychology, 29*, 371–389.
- Elligan, D. (2008). Stereotypes. In *Encyclopedia of race, ethnicity and society*. Retrieved November 5, 2012 from http://sagereference.com/ethnicity/Article_n532.html
- Enesco, L., Navarro, A., Paradela, I., & Guerrero, S. (2005). Stereotypes and beliefs about different ethnic groups in Spain. A study with Spanish and Latin American children living in Madrid. *Journal of Applied Development Psychology, 26*(6), 638–659.
- Engberg, M. E. (2007). Educating the workforce for the 21st century: A cross-disciplinary analysis of the impact of the undergraduate experience on students' development of a pluralistic orientation. *Research in Higher Education, 48*(3), 283–317.
- Feagin, J., & Feagin, C. (1999). *Racial and ethnic relations* (6th ed.). Upper Saddle River: NJ Prentice Hall.
- Ferrucci, P., & Tandoc, E. C. (2018). The Spiral of Stereotyping: Social Identity Theory and NFL Quarterbacks The Spiral of Stereotyping: Social Identity Theory and NFL. *Howard Journal of Communications, 29*(2), 107–125.
- Field, A. P. (2017). *Discovering Statistics Using IBM SPSS* (5th Edition). Sage, Los Angeles
- Fiske, S. T. (2018). Stereotype content: Warmth and competence endure. *Current Directions in Psychological Science, 27*(2), 67–73.
- Fiske, S. T., Cuddy, A. J. C., & Glick, P. (2002). A Model of (Often Mixed) Stereotype Content: Competence and Warmth Respectively Follow From Perceived Status and Competition. *Journal of Personality and Social Psychology, 82*(6), 878–902.
- Fiske, S. T., & Taylor, S. E. (2008). *Social Cognition: From Brains to Culture*. New York, NY: McGraw-Hill.

- Fordham, S. (1993). Those loud Black girls: (Black) women, silence, gender “passing” in the academy. *Anthropology and Education Quarterly*, 24, 3-32.
- Fornell, C. and Cha, J. (1994). “Partial least squares”, in Bagozzi, R.P. (Ed.), *Advanced Methods of Marketing Research*, Blackwell, Cambridge.
- Fornell, C. & Bookstein, F. L. (1982). 'Two Structural Equation Models: LISREL and PLS Applied to Consumer Exit-Voice Theory', *Journal of Marketing Research*, 19, 440-452.
- Fornell, C. G., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 18 (1), 39-50.
- Fossett, M. A., & Kiecolt, K. J. (1989). The relative size of minority populations and white racial attitudes. *Social Science Quarterly*, 70, 820-835.
- Gardikiotis, A. (2008). Group distinctiveness, political identification, and the third-person effect: Perceptions of a political campaign in the 2004 Greek National Election. *Media Psychology*, 11, 331–353.
- Garson, G. D. (2016). *Partial Least Squares Regression and Structural Equation Models*, Statistical Associates. Asheboro, NC.
- Girard, M., Chabrol, H., & Rodgers, R. F. (2018). Support for a modified Tripartite Dual Pathway Model of body image concerns and risky body change behaviors in French young men. *Sex Roles*, 78, 799–809.
- Goddard, C. (1997). Cultural values and “cultural scripts” of Malay (Bahasa Melayu). *Journal of Pragmatics*, 27, 183-201.
